

Malaysia mahu Amerika usahakan gencatan senjata

Malaysia percaya AS mempunyai pengaruh kuat dan mampu mengusahakan gencatan senjata segera bagi mengelakkan lebih banyak orang awam terbunuh di Palestin dan Lebanon

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI
dan FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 27 Julai-Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Amerika Syarikat (AS) menggunakan pengaruhnya bagi mengusahakan gencatan senjata segera bagi menghentikan serangan Israel ke atas Palestin dan Lebanon.

Perdana Menteri berkata, Malaysia percaya AS mempunyai pengaruh yang kuat dan mampu mengusahakan gencatan senjata segera bagi mengeiakkan lebih banyak orang awam terbunuh dan menghentikan kemusnahan harta benda di Palestin dan Lebanon.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Perdana Menteri menyampaikan perkara itu semasa menerima kunjungan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Condoleezza Rice di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Semasa pertemuan itu, Malaysia turut menyampaikan kebimbangan negara ini, ASEAN, negara-negara Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) terhadap krisis di rantau itu, katanya.

Pertemuan empat mata itu berlangsung selama 45 minit.

Rice berada di sini bagi menghadiri Forum Rantau ASEAN (ARF) yang bermula petang ini, sempena Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Katanya, dalam pertemuan itu, Abdullah telah memaklumkan kepada Rice bahawa tindakan Israel itu satu tindakan yang tidak munasabah dan melebihi batasan peraturan dan undang-undang antarabangsa.

Beliau menyifatkan pertemuan Abdul-

lah dan Rice itu sesuatu yang baik dan positif kerana ia membolehkan Perdana Menteri menyampaikan pandangan Malaysia dan perasaan rakyat negara ini terhadap keadaan di Palestin dan Lebanon.

Katanya, Abdullah menyatakan Malaysia kluatir jika gencatan senjata tidak diusahakan segera dan keadaan di kawasan itu tidak dibendung dengan cepat, ia akan meningkatkan kemarahan dan kekecewaan masyarakat dunia atas apa yang berlaku di Palestin dan Lebanon.

"Perdana Menteri telah berjaya menyampaikan mesej kita yang jelas dan konsisten, sama ada semasa AMM atau pada Persidangan Pasca Menteri-menteri Luar ASEAN (PMC) dengan Amerika Syarikat petang tadi," katanya.

Menurutnya, Abdullah telah memaklumkan kepada Rice bahawa kerajaan dan rakyat Malaysia telah melahirkan kebimbangan mereka terhadap konflik di Palestin dan Lebanon termasuk meluluskan usul mengutuk Israel di Parlimen.

Abdullah turut menyatakan supaya pasukan pemerhati di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan bagi mengawasi dan memantau gencatan senjata itu dan mengawasi sempadan-sempadan negara terlibat agar gencatan senjata itu tidak dicabuli.

Katanya, mesej itu difahami oleh Rice dan Setiausaha Negara Amerika itu menyatakan bahawa perkara itu (gencatan senjata) bukanlah sesuatu yang mudah.

Katanya, Rice memaklumkan bahawa konflik itu perlu ditangani secara teliti dengan memastikan semua pihak yang terlibat dalam krisis itu menerima gencatan senjata bagi memastikan gencatan senjata itu dapat dipertahankan.



CONDOLEEZZA Rice menemui Abdullah Ahmad Badawi di bangunan Parlimen,

- Bernama

Abdullah turut menerima kunjungan hormat Menteri Luar Korea Utara, Paek Nam Sun selepas pertemuan dengan Rice diikuti pertemuan dengan Menteri-menteri Luar ASEAN dan 12 rakan dialog ASEAN yang menghadiri PMC dan ARF, yang akan bermula esok.

Nam Sun selain menghadiri ARF adalah dalam rangka lawatan rasmi ke Malaysia mulai hari ini hingga 31 Julai.

Rice juga menyatakan bahawa Amerika mempunyai pendirian serupa bagi melaksanakan gencatan senjata yang dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak (Israel dan Hizbullah).

Syed Hamid berkata, Rice memaklumkan bahawa beliau akan kembali ke rantau itu selepas menghadiri ARF untuk meneruskan rundingan dengan pemimpin-pemimpin di Asia Barat.